

1100024406

CPN 1122

LP 43 FST 1 2002



1100024406

Ektoparasit pada ikan senangin Taiwan (Sciaenops ocellatus) dalam sistem Kepungan di Laguna Setiu / Zanzabir Mohamed Said.



LP
93
FST
8
2002

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100024406		

1100024406

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

Pengarang	ZANZABIR MOHAMED SAID		No. Panggilan
Judul	Ektoparasit pada ikan senangin taiwan		LP 93 FST
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan
30/6/03		UK 5833	R.
17/12/03	4-15 ptg.	UK 5833	

17/12/10

EKTOPARASIT PADA IKAN SENANGIN TAIWAN
(*Sciaenops ocellatus*) DALAM SISTEM KEPUNGAN DI
LAGUNA SETIU

Oleh

ZANZABIR BIN MOHAMED SAID

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
keperluan untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains
Perikanan

Fakulti Sains dan Teknologi.
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Universiti Putra Malaysia
2002

1100024406

Laporan projek ini dirujuk sebagai:

Zanzabir, M.S. 2002. Ektoparasit pada ikan Senangin Taiwan (*Sciaenops ocellatus*) dalam sistem kepungan di Laguna Setiu. Laporan projek Tahun Akhir, Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. 76p.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek tahun akhir saya yang bertajuk Ektoparasit pada ikan Senangin Taiwan dalam sistem kepungan di Laguna Setiu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jutaan terima kasih kepada penyelia projek ini Prof Dr. Faizah binti Shaharom yang manjadi tunjang utama kepada saya untuk menjalankan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Puan Kartini binti Muhamad yang banyak membantu dari segi khidmat nasihat dan maklumat semasa menjalankan projek ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pemilik sistem kepungan di Laguna Setiu dan pekerjanya Encik Masadi bin Jaya dan Hasmiza bin Shafii yang banyak membantu saya selama lebih dari sebulan ketika menjalankan kajian di Laguna Setiu. Terima kasih juga diucapkan kepada Mak Su dan Kak Long yang telah menjadi keluarga angkat saya selama saya menjalankan projek di Setiu.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua pemandu FST yang telah menemani saya ke kawasan kajian. Terima kasih juga kepada semua kaki tangan hatchery air masin KUSTEM dan pengawal keselamatan. Tidak lupa juga kepada semua rakan seperjuangan terutamanya Wan Mohd Rauhan bin Wan Mohd Hussin, Rosfatmawati binti Hassan, Zuraidi bin Hassan, Kamil bin Latif, Fazli bin Long, Ahmad Azhar bin Juhari, Che Wan Marlia sekeluarga dan mereka yang tidak muat saya tuliskan namanya di sini.

ABSTRAK

Ikan Senangin Taiwan atau nama saintifiknya *Sciaenops ocellatus* telah diternak buat kali pertama dalam sistem kepungan di Laguna Setiu. Sebanyak empat spesies parasit berjaya ditemui mengjangkiti ikan Senangin Taiwan yang diternak dalam sistem kepungan di Laguna Setiu.

Parasit tersebut adalah sejenis protozoa dinoflagelat iaitu *Amyloodinium* sp., protozoa siliat yang biasa menyebabkan bintik putih pada ikan marin iaitu *Cryptocaryon irritans*, sejenis lintah hirudinea iaitu *Pisicola* sp. dan krustasia parasitik iaitu sejenis isopod, *Nerocila* sp. Prevalen bagi jangkitan protozoa dinoflagelat, *Amyloodinium* sp. ialah 100%, Prevalen dan min keamatan bagi protozoa siliat, *C. irritans* ialah 54.4% dan 12.4. Bagi lintah hirudinea, *Pisicola* sp. mempunyai prevalen jangkitan sebanyak 23.5% dan min keamatan sebanyak 1.6. Isopod pula iaitu *Nerocila* sp. mempunyai prevalen dan min keamatan masing-masing 22.0% dan 1.4.

Serangan ektoparasit pada ikan Senangin Taiwan dalam sistem kepungan di Laguna Setiu belum sampai ke peringkat yang membahayakan. Serangan parasit adalah pada peringkat normal iaitu sama seperti mana-mana spesies ikan yang lain. Tiada ikan yang bebas sepenuhnya dari serangan ektoparasit.

ABSTRACT

Red Drum or its scientific name, *Sciaenops ocellatus* was cultured for the first in Setiu Lagoon. Four parasite spesies were succesfully found infecting the fish.

The parasites were dinoflagellate protozoan known as *Amyloodinium* sp., a cilliate protozoan which usually causes white spots to marine fishes known as *Cryptocaryon irritans*, a leech known as *Pisicola* sp and finally a parasitic crustacean known as *Nerocila* sp. The infection prevalence for the dinoflagellate protozoan, *Amyloodinium* sp is 100%. The prevalence and the mean intensity for the cilliate protozoan, *Cryptocaryon irritans* is 54.4% and 12.4. For the leech, *Pisicola* sp., it has an infection prevalence of 23.5% and mean intensity of 1.6. Isopods, *Nerocila* sp., has a prevalen and mean intensity of 22.0% and 1.4.

Ectoparasite attacks on the Red Drum in the wetland of Setiu Lagoon has not reached a dangerous level. Parasites infection at this level is normal and similar to any other spesies of fish.